

18 JUL 2000
PROTON-AMBILALIH
PM DEDAH ADA USAHA UNTUK KUASAI PROTON

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan ada usaha daripada syarikat gergasi otomotif asing yang cuba untuk menguasai 100 peratus ekuiti di dalam Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton).

Menurut beliau, syarikat asing terbabit mendakwa mereka mampu mengeluarkan kereta Proton dengan harga yang lebih murah dan jika Proton jatuh ke tangan mereka ia akan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, beliau menegaskan usaha ini sebenarnya merupakan perancangan negara asing yang mahu hanya lima syarikat otomotif dari negara mereka, menguasai pasaran kereta dunia.

Justeru, katanya, syarikat-syarikat otomotif lain yang kecil dan bersaing dengan mereka akan dimusnahkan oleh syarikat otomotif gergasi terbabit kerana gagal bersaing atau diserap ke dalam syarikat mereka.

"Kita khuatir kalau mereka ambilalih Proton, maka mereka akan jadikan kilang kita sebagai kilang pemasangan kereta mereka dan bukan kereta proton atau kereta Nasional, sebagaimana mereka telah musnahkan syarikat-syarikat otomotif yang bersaing dengan mereka supaya mereka dapat menguasai pasaran dunia," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Fadzil Noor (PAS-Pendang) di Dewan Rakyat mengenai samada negara Asean lain bersetuju dengan cadangan Malaysia agar pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Bebas Asean (AFTA) membabitkan sektor otomotif ditangguhkan dari 2003 ke 2005, hari ini.

Sehubungan itu, beliau berkata kerajaan mengambil langkah berhati-hati dengan memastikan negara terlebih dahulu bebas dari tekanan Tabung Kewangan Atarabangsa (IMF) untuk membuka pasaran negara.

"Kita tidak akan benarkan Proton diambil alih oleh sesiapaupun sehingga kita terpaksa membeli kereta (asing) yang kita pasang sendiri," kata beliau.

Mengenai cadangan Malaysia menangguhkan pelaksanaan AFTA itu, beliau berkata semua negara Asean bersetuju dengan cadangan tersebut kerana mereka sedar aliran globalisasi ini mungkin boleh memberi kesan buruk kepada semua negara Asean.

"Semasa kita terima dan tandatangan perjanjian AFTA, semua negara Asean tidak faham tentang bahaya akibat daripada penghapusan sempadan antara negara.

"Sebab itu apabila Malaysia mencadangkan penangguhan pelaksanaan AFTA, mereka semua terima, tiada bantahan dari sesiapa," tambah Dr Mahathir.

Ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin), Dr Mahathir melahirkan rasa kesalnya atas sikap sesetengah pihak di negara ini yang terikut-ikut dengan pelbagai tuduhan yang dilemparkan oleh negara asing termasuk amalan kronisme dan menyelamatkan industri kritikal, bagi kepentingan politik mereka.

Beliau menganggap perbuatan mereka ini sebagai satu usaha untuk mengagalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan mengimbangi kekayaan ekonomi antara kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera.

"Ini amat malang sekali kerana kalau kita tidak langsung ingin melihat Bumiputera yang berjaya, maka kerajaan tidak boleh beri kejayaan kepada sesiapa kerana sesiapa yang berjaya akan dianggap kroni kerajaan.

"Dengan itu gagallah DEB dan ini akan menggembirakan orang asing yang

tidak senang hati dengan DEB yang menyekat peluang ekonomi mereka," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata globalisasi tanpa had akan membuka negara ini kepada penjajahan dalam bentuk baru iaitu penjajahan ekonomi yang akhirnya akan menguasai politik dan negara.

"Globalisasi membuka banyak peluang perdagangan tetapi ianya harus seiring dengan nilai-nilai kemanusiaan, mengambil kira kemampuan negara-negara yang sedang membangun dan tanggungjawab sosial negara-negara maju keatas negara-negara yang kurang maju," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Wan Nik Wan Yussof (PAS-Bachok) mengenai kenyataannya di Sidang Kemuncak Perniagaan Eropah-Asia 2000 bahawa lokasi strategik masih relevan dan faktor manusia, nilai kemanusiaan, kebudayaan, kesetiaan dan peranan manusia tidak boleh diabaikan di dalam era globalisasi.

Katanya, globalisasi mengikut tafsiran negara maju adalah perdagangan yang akan dapat dijalankan dengan sebeb-bebasnya tanpa sebarang sekatan.

Mereka turut menganggap kedudukan strategik sesebuah negara atau tempat perniagaan tidak lagi menjadi sesuatu yang penting dan ini termasuk manusia dan nilai-nilai kemanusiaan.

"Apa yang mereka utamakan ialah keuntungan semata-mata tanpa menghiraukan kesan ke atas manusia dan negara berkenaan," kata Dr Mahathir.

Sambil memberi contoh, katanya semasa penyangak matawang menyerang pasaran Asia Timur, apa yang mereka pentingkan ialah keuntungan daripada segi kewangan tanpa menghiraukan kesengsaraan yang berlaku kepada penduduk negara-negara berkenaan akibat kehilangan pekerjaan, kebuluran, pergaduhan dan lain-lain.

"Malahan kerajaan negara-negara berkenaan pula dipersalahkan kerana tidak membuka pasaran negara mereka kepada perdagangan tanpa sekatan," jelas Dr Mahathir. --BERNAMA

MOT ZK